

08/10/1997

Pelbagai pihak sokong Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa - Semakin ramai pemimpin politik dan pertubuhan yang mewakili pelbagai lapisan rakyat menyatakan sokongan padu mereka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengatasi masalah ekonomi berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham negara.

Mereka juga menaruh keyakinan penuh kepada gandingan Perdana Menteri dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim memulihkan semula masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang.

Malah, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mahu Dr Mahathir terus diberi kepercayaan untuk memimpin negara dalam usahanya mengawal perdagangan mata wang.

Menurutnya, Dr Mahathir tidak perlu meletakkan jawatan jika disebabkan hanya kejatuhan nilai mata wang kerana masalah itu turut dihadapi negara lain di rantau ini.

"Perletakan jawatan adalah isu besar khususnya membabitkan seorang Perdana Menteri. Tambahan pula, kejatuhan nilai mata wang itu bukan kesalahan pemimpin negara," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Kota Bharu hari ini.

Di KUCHING, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata kerajaan negeri itu menaruh keyakinan penuh kepada kepemimpinan Dr Mahathir dan berbangga dengan keberanian serta ketabahan Perdana Menteri memperjuangkan kepentingan negara serta rakyat.

Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Leo Moggie, pula berkata, partinya memberi sokongan tidak berbelah-bahagi kepada Dr Mahathir dalam menangani masalah ekonomi negara.

"Adalah tidak adil apabila beliau dan timbalannya menghadapi kesusahan, mereka diketepikan," kata Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Datuk Dr George Chan Hong Nam.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee mengetuai kerajaannya memberikan sokongan tidak berbelah-bahagi kepada Perdana Menteri.

"Kerajaan negeri mempunyai keyakinan penuh terhadap keupayaan kerajaan pusat di bawah kepemimpinan Dr Mahathir untuk menyelesaikan krisis mata wang," katanya dalam satu kenyataan.

Sokongan kepada Dr Mahathir turut dinyatakan oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Bandaraya Kuala Lumpur (DPMMBKL). Pemangku Yang Dipertuanya, Syed Amin AlJeffri, dalam satu kenyataan berkata, langkah Perdana Menteri dalam menangani kejatuhan nilai mata wang adalah bijak dan kena pada masanya.

Presiden Persatuan Wartawan Melayu (PWM), Yazid Othman pula berkata: "Pendapat media Barat perlu ditolak bulat-bulat, kerana secara terang dan nyata mereka bermaksud memburuk dan mengaibkan serta berniat jahat terhadap pemimpin tertinggi negara kita."

(END)